

**UCAPAN ALU-ALUAN**  
**KETUA PENGARAH LEMBAGA KOKO MALAYSIA**  
**MAJLIS PERASMIAN LATIHAN FASILITATOR (TOF)**  
**PROJEK KESELAMATAN-KOKO**  
**11 OGOS 2014**  
**PUSAT PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN KOKO KOTA SAMARAHAN,**  
**KUCHING SARAWAK**

---

Yang Berhormat Datuk Amar Douglas Uggah Embas,  
Menteri  
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)

Yang Berhormat Dato' Noriah Kasnon  
Timbalan Menteri  
Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi (MPIC)

Yang Berbahagia Datuk Himmat Singh  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi (MPIC)

Yang Berusaha Encik Tan Beng Swee  
Setiausaha Bahagian Kemajuan Industri Koko dan Lada  
Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC)

Yang Berusaha Dr Loke Wai Hong  
Pengaroh Wilayah CABI SEA (South East Asia)  
Centre of Agricultural Bioscience International (CABI)

Yang Berusaha En. Haya Ramba,  
Pengaroh Bahagian Teknologi Hulu Koko  
merangkap Pengurus Pusat LKM, Kota Samarahan, Sarawak,

Yang Berusaha Cik Winoryantie Sulaiman,  
Pegawai Pengembangan Teknologi LKM  
Merangkap Penyelaras Kursus Latihan TOF Projek Keselamatan Koko, Wilayah Sarawak

Ketua-Ketua Agensi,

Persatuan Pengusaha Koko Sarawak

Ahli Pengurusan Kanan LKM

*"Master Fasilitator"* Kursus TOF,

Dif-dif Jemputan

Para peserta kursus,

Wakil-wakil media

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Selamat petang, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

1. Lembaga Koko Malaysia mengalu-alukan kehadiran YB Datuk Amar Douglas Uggah Embas, Menteri MPIC kerana sudi merasmikan Kursus latihan TOF pertama di Sarawak dan seterusnya melengkapkan rangkaian latihan seluruh Malaysia. Kursus ini adalah anjuran bersama LKM, CABI, ICCO (*International Cocoa Organization*) dan STDF (*Standards and Trade Development Facility*). Kehadiran YB Datuk Amar, mencerminkan komitmen kementerian dan pemimpin kerajaan untuk menyokong pembangunan dan program-program tanaman koko di Malaysia. Kami berterima kasih kepada YB Menteri kerana dapat meluangkan masa untuk turun padang dan melihat LKM melaksanakan dasar dan program pembangunan industri koko selaras dengan amanat YAB Perdana Menteri iaitu “Rakyat didahulukan pencapaian diutamakan” dan “pasti Janji di Tepati.” Dengan sokongan pihak MPIC, saya berharap ini dapat memberi suntikan semangat kepada warga LKM untuk bertugas dengan lebih gigih lagi.

2. Sebagai makluman YB Menteri, Kursus Latihan Fasilitator atau TOF, Projek Keselamatan Koko pada kali ini diadakan untuk dua kumpulan peserta yang berbeza iaitu Kumpulan Peserta Kakitangan Pengembangan LKM dan Ketua Kelompok Petani (11-15 Ogos 2014) dan Kumpulan Peserta Peniaga Agro (18-22 Ogos 2014). Modul latihan kedua-dua kumpulan ini ada sedikit berbeza, namun pada asasnya meliputi pendedahan ilmu pengetahuan SPS (*Sanitary and Phytosanitary Standards*) dan keselamatan penggunaan racun serangga. Latihan yang dilaksanakan adalah strategi kerjasama diantara LKM dan organisasi antarabangsa (ICCO, CABI dan STDF). Jalinan kerjasama yang erat ini diharapkan akan membawa berkat dan faedah kepada industri koko di Malaysia.

3. Lembaga Koko Malaysia selaku organisasi implementasi kebangsaan telah mengadakan kursus latihan TOF di semua kawasan penanaman koko iaitu bermula di PPPK Hilir Perak, PPPK Jengka, Ranau Sabah dan kemuncaknya di PPPK Kota

Samarahan Kuching Sarawak. Kesemua kursus adalah usahasama dan dipantau oleh CABI dan seterusnya LKM menyediakan laporan lengkap kepada ICCO dan STDF. Kerjasama ini diharapkan dapat memberi faedah dan muafakat kepada penanam-penanam koko Malaysia dan seterusnya menyumbang kepada impian LKM untuk menjadikan Malaysia sebagai antara negara pengeluar produk koko berkualiti (termasuklah bahan mentah, produk separa siap dan produk siap) yang terbesar di dunia.

4. Objektif Projek Keselamatan Koko (iaitu projek di bawah STDF - CABI - ICCO) adalah untuk menyalurkan pengetahuan terkini dalam piawaian sanitasi dan fito-sanitasi koko kepada pihak yang terlibat dengan koko. Penyaluran pengetahuan adalah melalui latihan TOF ini. Kandungan kursus termasuklah pengendalian dan perniagaan koko yang mematuhi syarat-syarat Keselamatan makanan dan mengelakkan pencemaran melalui penggunaan dan pengendalian racun makhluk perosak/penyakit secara selamat (oleh penanam koko dan peniaga Agro).

Datuk-datuk, Tuan-tuan, Puan-puan, Saudara dan saudari sakalian,

5. Sempena Majlis perasmian pada hari ini, akan diadakan juga penyerahan insentif kepada usahawan yang menyertai Program Pembangunan Usahawan Coklat buatan Tangan. Saya berharap insentif (alat pencair coklat 5kg) akan dapat membantu para usahawan dalam meningkatkan pengeluaran dan kualiti coklat buatan tangan.

6. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama semua ahli jawatankuasa dan kakitangan LKM yang menjayakan kedua-dua latihan TOF (Back-toBack) di Sarawak ini. Terima kasih juga kepada wakil CABI yang turut membantu dari segi teknikal dan modul latihan. Sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Datuk Amar Douglas Unggah Embas atas kesudiannya untuk bersama-sama kita dan merasmikan kedua-dua Latihan TOF Projek Keselamatan Koko STDF-CABI-ICCO ini.

Sekian. Terima Kasih

**Dr. Lee Choon Hui**  
**Ketua Pengarah Lembaga Koko Malaysia**  
11 Ogos 2014